



MOHD Shafie bersama warga pendidik MARA pada sambutan Hari Pendidik MARA 2012 di Menara MARA, Kuala Lumpur.

Hampir lima dekad lahir pelajar ceme

MARA terus latih sumber manusia kemah

Mohd Azrone Sarabatin

azrone@bharian.com.my



nusia terlatih negara untuk mencapai matlamat wawasan itu.

“Sepanjang tahun lalu, misalnya MARA berjaya melahirkan 34,774 tenaga mahir dalam pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan negara. Kita yakin mereka mampu menyumbang kepada keperluan tenaga kerja negara dalam bidang teknikal dan teknologi maju.

“Saya mahu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MARA memenuhi sasaran lima tahun Pelan Strategik 2011 hingga 2015 untuk melahirkan generasi muda yang dapat memenuhi permintaan guna tenaga mahir dalam era transformasi negara masa kini menerusi keseimbangan bidang akademik, teknikal dan vokasional,” katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini

merlang dalam pelbagai bidang meliputi muzik, pancaragam, sukan dan budaya.

Katanya, kepemimpinan institusi pendidikan turut memainkan peranan penting ke arah pencetusan inovasi organisasi pembelajaran di IPMa, selain mempunyai latihan, pengalaman, pendedahan dan pengetahuan luas dalam bidang pendidikan dan kepemimpinan.

Beliau berkata, kepemimpinan sekolah perlu mempunyai dorongan dan komitmen bagi membawa perubahan sekolah dengan meluaskan kreativiti dan inovasi dalam aspek pengurusan dan pendidikan organisasi sekolah.

KEJAYAAN masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam pelbagai bidang mencakupi pendidikan, keusahawanan, profesional dan tenaga kerja mahir tidak dapat dipisahkan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), yang ditubuhkan pada 1966.

Sejak 46 tahun beroperasi, sumber manusia anak didik agensi itu termasuk pelajar tajaannya mencecah sejuta orang. Jumlah sebenar direkodkan adalah 984,551 orang. Bagaimanapun, jumlah ini hanya dalam bidang pendidikan saja, tidak meliputi program keusahawanan.



B/H 22/6/12

Justeru, apabila menyebut mengenai kejayaan masyarakat Melayu dan Bumiputera, sudah tentu ia berkait rapat dengan kejayaan MARA dalam melahirkan tokoh korporat, pemimpin masyarakat, ahli perniagaan, pakar teknikal, profesional, teknousahawan dan guna tenaga mahir mahupun separa mahir yang berketurunan di seluruh pelosok negara serta memberi sumbangan yang tidak ternilai harganya.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata menjelang 2020 sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan akan diwujudkan dan daripada jumlah itu, 1.3 juta adalah dalam bidang teknikal dan teknologi maju.

Katanya, kementeriannya perlu melihat usaha melahirkan sumber manusia berkemahiran tinggi dalam bidang itu adalah keperluan negara dan akan berusaha mendidik, melatih dan membangunkan bakat unggul dalam diri anak didik MARA supaya mereka dapat terjun dalam pelbagai bidang berpendapatan tinggi sejajar matlamat Wawasan 2020.

Beliau berkata, sehingga kini gugusan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) berjumlah 331 buah yang meliputi pelbagai peringkat di seluruh negara serta saban tahun berjaya melahirkan sumber ma-

Mohd Shafie berkata, aspek inovasi, ceria dan kondusif juga amat penting dalam pembinaan persekitaran pembelajaran.

Katanya, untuk membangunkan persekitaran yang ceria dan kondusif, menjadi keperluan untuk menaik taraf prasarana pendidikan sedia ada terutama di institusi yang beroperasi sejak 1970-an.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM100 juta sedang diusahakan di bawah program Pelaksanaan Tabung Pendidikan Khas Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) meliputi RM60 juta untuk selenggaraan dan masing-masing RM20 juta untuk pembelian perabot dan kemudahan rangkaian komputer.

"Peruntukan ini bakal memanfaatkan 32 MRSM di seluruh negara. Saya harap persekitaran pembelajaran ini turut memberi penekanan terhadap pembangunan otak kanan atau *right brainer*.

"Penonjolan budaya kreatif dan inovatif boleh berlaku dengan pelbagai cara seperti aktiviti kreatif dalam sains dan teknologi, persembahan budaya, sukan dan kokurikulum," katanya.

Mohd Shafie berkata, imej organisasi sekolah kreatif tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya menonjolkan imej ce-

*Saya mahu Petunjuk Prestasi U
sasaran lima tahun Pelan Stra
melahirkan generasi muda yan
permintaan guna tenaga mahir
negara masa kini menerusi kes
dengan teknikal dan vokasiona*

"Pemimpin pendidikan di IPMa perlu merangka strategi berkesan membawa perubahan dinamik dan menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran yang kreatif dan inovatif," katanya.

Mohd Shafie turut berbangga dengan institusi pendidikan di bawah MARA mencipta kejayaan pada peringkat antarabangsa, termasuk kejayaan Kolej MARA Banting, Selangor menerima pengiktirafan antara institusi pendidikan bertaraf dunia oleh Universiti Cambridge, United Kingdom berikutan kecemerlangan dalam pengajian Diploma International Baccalaureate (IB).

Katanya, ketika ini, sembilan bekas



MOHD Shafie menyampaikan Anugerah Tokoh Pendidik Mara 2012 kepada Mohd Mydin sambil diperhatikan Pengerusi MARA, Datuk Seri Idris Jusoh (tengah) di Kuala Lumpur.

berlang pelbagai bidang

hiran tinggi sejajar Wawasan 2020

pelajar MRSM mengikuti pengajian di universiti terunggul dunia itu dan kementerian berharap mereka mencapai kecemerlangan kerana ia menjadi penanda aras penghantaran lebih ramai pelajar ke universiti itu pada masa depan.

"Tahun lalu, MARA menghantar 107 pelajar ke universiti tersohor dunia menerusi program Penganjuran Pelajarannya. Agensi itu juga berjaya melahirkan 12,192 pelajar cemerlang dalam bidang sains dan matematik pada peringkat menengah menerusi MRSM," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad yakin ins-

demik atau kemahiran, selain modal insan global dan berintegriti serta inovatif (i-worker).

"Golongan ini berdaya saing dan mampu menyumbangkan nilai tinggi kepada kegiatan usaha niaga konvensional serta berupaya mencipta bidang baru untuk kepentingan negara," katanya.

Ibrahim berkata, MARA juga ingin memastikan anak didiknya didedahkan dengan sistem pendidikan berteraskan keusahawanan untuk memastikan pelajarannya membudayakan keusahawanan sejak di bangku sekolah yang diberi penekanan dalam sistem pendidikannya.

*Utama (KPI) MARA memenuhi
tegitik 2011 hingga 2015 untuk
g dapat memenuhi
dalam era transformasi
imbangan bidang akademik*

Mohd Shafie Apdal

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



titusi pendidikan di bawah agensi itu mampu melahirkan tenaga kerja negara dalam bidang teknikal dan teknologi maju yang digerakkan 7,831 pendidikannya di seluruh negara.

Katanya, institusi terbabit adalah Pusat Giat MARA (GIATMARA), Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Polytech MARA (KPTM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), German Malaysian Institute (GMI) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Beliau berkata, agensi itu juga mahu melahirkan modal insan terbilang dalam pelbagai bidang sama ada jurusan aka-

Katanya, ini adalah perbezaan antara agensi itu dengan institusi pendidikan lain kerana bukan saja melahirkan pelajar dan pelatih untuk mengisi keperluan tenaga negara malah pekerja berdaya saing, berorientasi global, menyediakan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke universiti dan pemimpin negara pada masa depan.

"Sehubungan itu, Model Baru Pendidikan diubah dengan memberi fokus kepada pembangunan insaniah, sikap dan akhlak seiring dengan ilmu dan kemahiran. Individu yang mempunyai sikap, pemikiran dan jati diri yang tinggi mampu menawan dunia," katanya.

Tokoh Pendidik MARA 2012, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff, berkata MARA mempunyai pendekatan tersendiri untuk melahirkan pelajar cemerlang dan sumber tenaga mahir negara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Saya yakin agensi itu akan terus merangka pelbagai program, untuk melahirkan pelajar cemerlang dan sumber tenaga kerja mahir serta profesional yang menyumbang kepada kemajuan negara," katanya yang juga bekas Ketua Pengarah MARA.

Justeru, MARA akan terus mara untuk mengisi kemerdekaan negara termasuk menjayakan Wawasan 2020 dalam melahirkan sumber manusia yang profesional dan berkepakaran tinggi untuk keperluan negara.